



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Pejabat Daerah Port Dickson tidak akan dipertimbangkan.
2. Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa sijil asal serta salinan sijil
 - a) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan
 - b) Sijil SSM
 - c) Surat Pengiktirafan Bumiputera dengan PKK
 - d) Sijil Pendaftaran MPPD
 - e) Perakuan Pendaftaran dengan CIDB

Bagi permohonan kerja elektrik perlu menyertakan tambahan :

- f) Sijil Suruhanjaya Tenaga (ST)

yang masih sah/belum tamat tempoh layak menghadiri taklimat dan lawatan ke tapak kerja(wakil tidak dibenarkan)

3. **Kesemua Sijil di atas perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh lawatan tapak.**
4. **Borang Sebutharga hendaklah diisi menggunakan pen dakwat cair hitam.**
5. Borang sebutharga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Jabatan Kejuruteraan, MPPD. Nombor sebutharga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
6. Setiap kesilapan pada borang hendaklah ditandatangani ringkas. **Tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (*liquid paper*).**
7. Kontraktor hendaklah memberi bukti keupayaan dalam bentuk tunai atau kemudahan kredit yang disahkan oleh pihak bank dan disertakan bersama borang sebutharga.
8. Sebutharga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebutharga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
9. Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan PKK dibawah kepala dan sub-kepala berikut dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai sebutharga seperti lampiran

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Kelas/ Gred Kontraktor	Kelas Kepala & Sub/Kepala	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebutharga Ditutup
SH 41/2018 RM159.00	Kerja Membaikpulih Cerun Berhampiran Taman Lukut Makmur, MP Port Dickson, Negeri Sembilan	G2	Kategori CE Pengkhususan CE08 & CE21	Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Port Dickson	Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Port Dickson
SH 51/2018 RM159.00	Cadangan Menurap Semula Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Taman PD Utama, Port Dickson (Fasa 2)	G2	Kategori CE Pengkhususan CE01 & CE21	Tarikh: 21.03.2018 Hingga 28.03.2018	Tarikh : 28.03.2018 *Jam 12.00 t/hari
<p>Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 21 Mac 2018 (Rabu) jam 9.00 pagi.</p> <p>Menghadiri taklimat adalah diwajibkan untuk semua Sebutharga & lawatan tapak adalah digalakkan.</p>					